

Dasar AP tidak berubah: Miti

BH 21/6/08 M/S 30

Pemberian 20 permit import kepada Premier Hybrid Cars untuk uji pasaran

Oleh Shahrizan Salian

KEMENTERIAN Perdagangan Antarabangsa dan Industri menafikan kerajaan mengubah dasar pengeluaran permit import (AP) yang dibekukan sejak 1988.

"Dasar semasa pengeluaran AP terbuka yang dibekukan sejak 1998 adalah tidak berubah. Justeru, laporan yang menyatakan kerajaan mengubah dasar pengeluaran AP itu adalah tidak benar," kata kementerian itu menerusi kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lum-

“Dasar pengeluaran AP terbuka yang dibekukan sejak 1998 tidak berubah. Laporan mendakwa kerajaan ubah dasar AP tak benar”

Kenyataan

pur, semalam.

Kenyataan itu dikeluarkannya merujuk kepada laporan akhbar baru-baru ini mengenai pemberian AP terbuka bagi pengimportan kereta berkuasa hibrid kepada Premier Hybrid Cars Sdn Bhd.

Miti menerusi kenyataan itu menegaskan, kerajaan pada masa ini belum menimbang permohonan mana-mana syarikat untuk mendapatkan AP terbuka seperti dilaporkan.

Jelasnya, kelulusan AP bagi mengimport 20 unit kereta berkuasa hibrid baru kepada Premier Hybrid Cars seperti dilaporkan adalah atas dasar

untuk menguji pasaran dan promosi bagi memperkenalkan kereta jenis itu di pasaran tempatan.

"Ia adalah sejajar dengan dasar kerajaan untuk memperkenalkan teknologi hibrid di Malaysia," katanya sambil menambah, teknologi terkini kereta berkuasa hibrid mampu meningkatkan prestasi pemanduan dengan penggunaan minyak lebih menjimatkan dan mesra alam sekitar.

Kereta berkuasa hibrid digerakkan oleh gabungan bahan api dan elektrik yang dijana bateri.

Pada permulaan pemanduan, enjin

kereta itu akan digerakkan bahan api bagi memastikan pick-up yang berkuasa, dan akan bertukar kepada janaan elektrik apabila sudah mencapai tahap kelajuan tertentu. Ia sekali gus akan menjimatkan penggunaan bahan api.

Miti menerusi kenyataan itu berkata, ia sedang menimbang langkah dan insentif sesuai untuk menggalakkan pelaburan tempatan dan menarik pelaburan daripada pengeluaran kereta hibrid terkemuka dunia ke dalam projek pemasangan serta pengeluaran kereta hibrid di Malaysia.